

SULIT

1103/1(PP)

1103/1  
Bahasa Melayu  
Kertas 1  
Ogos/September  
Kriteria Penskoran  
dan Perincian  
Pemarkahan  
2024



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN**

---

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5  
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2024**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**KRITERIA PENSKORAN DAN  
PERINCIAN PEMARKAHAN**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh diterbitkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 23 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1103/1(PP) © 2024 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

**SULIT**

## BAHAGIAN A [30 markah]

## 1. Format penulisan komen :

- T - menepati tema
- I - relevan, huraian jelas
- B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas
- P - sangat menarik dan berkesan

## Soalan

## E-mel 1

Daripada	Maisarah@gmail.com
Kepada	Intan@gmail.com
Subjek	Kebaikan-kebaikan Bidang Pertanian
<p>Intan,</p> <p>Apa khabar Intan di sana? Saya mengharapkan Intan dan keluarga sihat sejahtera. Bagaimanakah kehidupan Intan setelah berpindah ke Tanah Rata, Cameron Highlands? Semoga Intan seronok menetap di sana.</p> <p>Intan, tahniah atas kenaikan pangkat sebagai pegawai pertanian di MARDI Cameron Highlands. Banyak manfaat yang bakal kita peroleh apabila berbudi pada tanah. Sudah pastinya Intan bersetuju dengan pendapat saya. Oleh itu, bolehkah Intan menerangkan kebaikan-kebaikan bidang pertanian kepada masyarakat dan negara?</p> <p>Saya menanti balasan e-mel daripada Intan. Saya dahulukan dengan ucapan terima kasih.</p> <p>Yang benar,</p> <p>Maisarah</p>	

## Kehendak / Tugas Soalan :

- (i) Calon dikehendaki menghuraikan / menerangkan kebaikan-kebaikan bidang pertanian kepada masyarakat dan negara
  - (a) Kebaikan-kebaikan bidang pertanian kepada masyarakat.
  - (b) Kebaikan-kebaikan bidang pertanian kepada negara.
- (ii) Calon perlu menyentuh idea dalam bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
- (iii) Sekiranya calon menghuraikan :
  - (a) SATU kebaikan bidang pertanian kepada masyarakat dan DUA kebaikan bidang pertanian kepada negara.

ATAU

  - (b) DUA kebaikan bidang pertanian kepada masyarakat dan SATU kebaikan bidang pertanian kepada negara (Diterima dan disemak seperti biasa)

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

(iv) Sekiranya calon menghuraikan SATU kebaikan bidang pertanian kepada masyarakat dan SATU kebaikan bidang pertanian kepada negara – diterima dan disemak seperti biasa

(v) Sekiranya calon menghuraikan :

(a) SATU/DUA / TIGA kebaikan bidang pertanian kepada masyarakat sahaja

(b) SATU/DUA / TIGA kebaikan bidang pertanian kepada negara sahaja

(Maksimum peringkat KEPUJIAN)

(vi) Jika calon tidak menyentuh maklumat umum dalam bahan tetapi menjawab tugas iaitu kebaikan-kebaikan bidang pertanian kepada masyarakat dan negara.

(RUJUK iii DAN iv) – maksimum peringkat KEPUJIAN

(vii) Jika calon tidak menggunakan format e-mel atau terdapat kesalahan dalam format e-mel tetapi menjawab tugas dan tema – maksimum peringkat KEPUJIAN

(viii) Jika calon tidak menjawab tugas berkaitan kebaikan (langkah / kesan / punca) tetapi menjawab tema – maksimum peringkat MEMUASKAN

(ix) Jika calon tidak menjawab tugas dan tema – maksimum peringkat PENGUASAAN MINIMUM

Cadangan isi :

\*Idea yang relevan boleh diterima

#### **MAKLUMAT TAMBAHAN**

1. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan – maksimum peringkat KEPUJIAN

2. Calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat MEMUASKAN

3. Jika calon menulis dalam bentuk point – maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTMPM)

## E-mel 2

Daripada	Ammar@gmail.com
Kepada	Imran@gmail.com
Subjek	Usaha-usaha Memajukan Bidang Penternakan
<p>Imran,</p> <p>Apa khabar Imran yang kini berada di Terengganu? Saya mengharapkan Imran dan keluarga sihat sejahtera. Maaf kerana sudah agak lama saya tidak menghantar e-mel kepada Imran.</p> <p>Sebenarnya, saya sedang menyiapkan kerja kursus tentang bidang penternakan. Kebetulan pula, keluarga Imran terlibat dalam bidang ini dan telah menjadi usahawan yang berjaya.</p> <p>Bolehkah saya mengetahui usaha-usaha yang dilakukan oleh keluarga Imran untuk berjaya dalam bidang penternakan?</p> <p>Saya menanti balasan e-mel daripada Imran. Saya dahulukan dengan ucapan terima kasih.</p> <p>Yang benar,</p> <p>Ammar</p>	

## Kehendak / Tugas Soalan :

- (i) Calon dikehendaki menghuraikan / menerangkan **usaha-usaha yang dilakukan oleh keluarga Imran untuk berjaya dalam bidang penternakan.**
- (ii) Calon perlu menyentuh idea dalam **bahan sama ada** sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan dan kesimpulan.
- (iii) Jika calon tidak menyentuh maklumat umum dalam bahan tetapi menjawab tugas iaitu **usaha-usaha yang dilakukan oleh keluarga Imran untuk berjaya dalam bidang penternakan - maksimum peringkat KEPUJIAN**
- (iv) Jika calon menghuraikan usaha-usaha untuk berjaya dalam bidang penternakan tetapi **tidak dinyatakan peranan keluarga Imran – maksimum peringkat KEPUJIAN**
- (v) Jika calon tidak menggunakan format e-mel atau terdapat kesalahan dalam format e-mel tetapi menjawab tugas dan tema – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- (vi) Jika calon tidak menjawab tugas berkaitan usaha-usaha (langkah / kesan / punca) tetapi menjawab tema – maksimum peringkat **MEMUASKAN**
- (vii) Jika calon tidak menjawab tugas dan tema – maksimum peringkat **PENGUASAAN MINIMUM**

Cadangan isi :

*\*Idea yang relevan boleh diterima*[Lihat halaman sebelah  
SULIT

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

1. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
2. Calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat **MEMUASKAN**
3. Jika calon menulis dalam bentuk point – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

## BAHAGIAN B

## 1. Format penulisan komen :

- T - menepati tema
- I - relevan, huraian jelas
- B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat
- P - sangat menarik dan berkesan

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Secara umumnya, kurikulum persekolahan kebangsaan mendukung hasrat mulia negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi muda pada masa ini dan akan datang. Pendidikan yang berkesan dapat membentuk murid yang berilmu dan mempunyai jati diri unggul menjelang Transformasi Nasional (TN2050).

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada  
"Menuju ke Arah Pendidikan Berkesan"  
Dewan Masyarakat, Ogos 2017

## SOALAN

Berdasarkan petikan di atas, terdapat usaha pihak kerajaan dalam memartabatkan bidang ini yang wajar dipuji dan diberikan perhatian.

Huraikan usaha-usaha lain yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk mewujudkan murid berilmu pengetahuan.

## Kehendak / tugas soaln

1. Calon dikehendaki menghuraikan usaha-usaha yang perlu dilakukan / usaha lain oleh pelbagai pihak untuk mewujudkan murid berilmu pengetahuan.

## Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan pelbagai usaha dengan melibatkan satu pihak – terima seperti biasa
2. Calon menghuraikan satu usaha dengan melibatkan pelbagai pihak – terima seperti biasa
3. Calon menghuraikan satu usaha sahaja dengan melibatkan satu atau pelbagai pihak – terima seperti biasa
4. Calon menghuraikan usaha dalam petikan dan ditambah dengan usaha-usaha lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
5. Calon menghuraikan idea selain daripada usaha-usaha – maksimum peringkat **PENGUASAAN MINIMUM**

## Cadangan jawapan

- \* Idea yang relevan boleh diterima.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

2

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism) melancarkan risalah pelancongan bertemakan **gastronomi (melancong untuk menikmati makanan)** yang menyenaraikan restoran-restoran makanan laut di Sabah dengan turut memaparkan produk-produk pelancongan utama di sekitar Kota Kinabalu, Sandakan dan Wilayah Persekutuan Labuan. Dinamakan sebagai Sabah & Labuan See Eat Food Trail Fun Map, inisiatif tersebut merupakan salah satu usaha bagi menarik pelancong ke Sabah dan Labuan yang terkenal sebagai syurga makanan laut.

Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada  
*Tourism Malaysia 3 Ogos 2022*

### SOALAN

Sebagai respons terhadap petikan di atas, Malaysia sebagai negara syurga makanan mampu menarik pelancong tempatan dan antarabangsa untuk melancong ke Malaysia sebagai sebuah destinasi utama pelancongan.

Huraikan manfaat-manfaat pelancongan gastronomi kepada masyarakat.

### Kehendak / tugas soalannya

Calon dikehendaki menghuraikan manfaat-manfaat pelancongan gastronomi kepada masyarakat.

### Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan manfaat-manfaat pelancongan gastronomi kepada masyarakat dan negara – terima seperti biasa
2. Calon menghuraikan manfaat-manfaat pelancongan gastronomi kepada negara sahaja– maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan manfaat-manfaat pelancongan / pelancongan gastronomi secara umum – maksimum peringkat **BAIK**.
4. Calon hanya menghuraikan idea lain tanpa menyatakan manfaat-manfaat – maksimum peringkat **PENGUASAAN MINIMUM**.

Cadangan jawapan :

\* **Idea yang relevan boleh diterima**

3

“UP\_TVET menawarkan kepada calon untuk mendapatkan lebih daripada satu tawaran dan pada akhirnya calon bersetuju untuk menerima satu tawaran sahaja. Walaupun tiada sijil akademik sama ada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), kita akan menerima warganegara Malaysia untuk memasuki mana-mana industri TVET di negara kita”

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada  
ucapan Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi  
*Berita Harian*, 20 Mei 2024

**SOALAN**

Jelaskan kepentingan-kepentingan TVET bagi memenuhi pasaran pekerjaan.

**Kehendak / tugas soalannya :**

1. Calon dikehendaki menghuraikan kepentingan-kepentingan TVET bagi memenuhi pasaran pekerjaan.

**Kemungkinan jawapan :**

- 1 Calon menghuraikan kepentingan-kepentingan TVET kepada masyarakat dan negara – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
2. Calon menghuraikan sama ada kepentingan-kepentingan TVET kepada masyarakat atau negara – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan kepentingan-kepentingan TVET kepada diri – Maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea selain daripada kepentingan-kepentingan TVET – maksimum peringkat **PENGUASAAN MINIMUM**.

Cadangan Jawapan :

\* **Idea yang relevan boleh diterima.**

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**



Saban hari, tugas dan peranan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Diraja Malaysia (ATM) dilihat semakin meluas dan mencabar serta memerlukan anggotanya sentiasa bersedia sedia untuk menempuh apa-apa juga halangan yang mendatang. Tugas penyelamatan di pelbagai tempat dan keadaan, memastikan undang-undang dan keselamatan masyarakat terjaga serta menjaga kawasan perbatasan negara dan kedaulatan negara terjamin merupakan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan demi negara tercinta.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada  
*Akhar Sinar Harian, 2021*

### SOALAN

Petikan di atas menyatakan peranan-peranan yang dilakukan oleh anggota-anggota keselamatan negara dalam menjaga keselamatan awam dan negara.

Huraikan peranan-peranan pasukan keselamatan tersebut.

### Kehendak / tugas soalannya :

1. Calon dikehendaki menghuraikan peranan-peranan yang dilakukan oleh anggota – anggota keselamatan negara dalam menjaga keselamatan awam dan negara iaitu:

- (a) Tugas penyelamatan di pelbagai tempat dan keadaan.
  - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
- (b) Memastikan undang-undang dan keselamatan masyarakat terjaga
  - Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- (c) Menjaga kawasan perbatasan negara dan kedaulatan negara terjamin.
  - Angkatan Tentera Diraja Malaysia (ATM)

### Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan peranan dan idea dalam petikan serta menambah peranan-peranan dan idea lain bagi setiap pasukan keselamatan tersebut – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian peranan dan idea dalam petikan serta menggunakan peranan-peranan dan idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian peranan dan idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan peranan-peranan dan idea lain tanpa menyentuh peranan dan idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK**.
- 5.

Cadangan jawapan

\* **Idea yang relevan boleh diterima.**

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**PERINGATAN****PERKATAAN YANG DIKIRA SEBAGAI SATU PATAH PERKATAAN**

1. Puisi
2. Alamat
3. Tarikh
4. Nama Khas
5. Peribahasa
6. Maksud Hadis / Al-Quran / Kata-kata Tokoh
7. Penanda wacana
8. Tajuk (Rencana / Surat)
9. Kata sendi di... (rumah) dan ke... (sana)
10. Angka

**PERINCIAN PEMARKAHAN****Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan :
  - a. Kurang daripada 350 perkataan, *impression* akan turun. – **PERINGKAT KEPUJIAN**
  - b. Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – **maksimum PERINGKAT BAIK**
  - c. Melebihi 500 patah perkataan. – **PERINGKAT CEMERLANG BAWAH**
  - d. Bilangan perkataan 511 dan ke atas – **maksimum PERINGKAT KEPUJIAN**
  - e. Pemarkahan hanya diberi sehingga 500 bilangan patah perkataan sahaja. Buat garisan panjang bagi bilangan patah perkataan yang melebihi 500 patah perkataan. Pemeriksa perlu membaca skrip calon sehingga habis bagi mendapatkan pemeringkatan markah yang sebenar.
  - f. Jika calon menulis dalam bentuk point – **maksimum PERINGKAT TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**